

# MUSA GARIS CARA LAWAN KEMELESETAN

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Musa Hitam hari ini menegaskan, langkah berkesan menghadapi kemelesetan ekonomi bukanlah melalui strategi "bertahan" tetapi "menyerang", iaitu meningkatkan daya pengeluaran, bekerja lebih kuat serta mengurangkan segala bentuk pembaziran.

Katanya, strategi "bertahan" seperti yang disarankan oleh setengah pihak bermakna kita terpaksa memotong perbelanjaan atas barang-barang mewah, mengurangkan import dan menangguhkan atau membatalkan beberapa projek.

"Tetapi, seringkali strategi "bertahan" membayangkan langkah berundur. Saya tidak

begitu yakin bahawa hanya langkah "bertahan" sahaja boleh membantu mengatasi kesulitan sekarang.

"Kalau buruk padahnya kesan strategi ini, kita mungkin terpaksa menghadapi tempoh ekonomi tidak berkembang yang panjang. Kalaupun ada kesan baiknya, itu hanya menunda kemajuan ke hari hadapan sahaja" ujarnya.

Berucap merasmikan Bengkel Kebangsaan Mengenai Daya Pengeluaran di sini hari ini, Timbalan Perdana Menteri berkata:

"Kita tidak sekali-kali harus berundur dari mencapai matlamat kita. Saya ingin memberi jaminan bahawa kerajaan tidak bercadang menyimpang dari dasar yang dianuti.

"Dasar asas kerajaan ialah untuk terus menggalakkan perkembangan dan pembangunan. Kami berhasrat membangunkan infrastruktur fizikal dan sosial bagi menggalakkan pelaburan asing di samping kita sendiri membangunkan berbagai industri," ujarnya.

## Menyalahkan

Justeru itu tambahnya, strategi "menyerang" adalah pertahanan yang baik kerana ini menyebabkan kita meningkatkan lagi daya pengeluaran, bekerja kuat dan mengurangkan pembaziran wang, waktu dan bahan.

"Kita tidak harus berpeluk tubuh dan menyalahkan keadaan ekonomi. Kita mestilah menyerang kemelesetan. Kita mestilah berjuang dan berusaha mendapat bahagian agihan yang lebih besar dalam pasaran dunia. Orang-orang Je-

pun sudah berjaya mendapat pasaran lebih. Soalnya, tidakkah kita boleh turut sama berbuat demikian?" tambah beliau.

Datuk Musa menarik perhatian kepada amaran yang dibuat oleh Perdana Menteri bahawa cita-cita pembangunan negara dan bangsa tidak mungkin tercapai jika kita semua tidak mengubah pendekatan dan sikap kita bersama terhadap kerja.

"Saya tidak mahu bercakap lanjut tentang perkara ini kecuali untuk menekankan betapa pentingnya diusahakan segera langkah-langkah ke arah kemajuan. Usahlah kita menipu diri kita sendiri kerana

kemajuan tidak akan dicapai dengan hanya bercakap mengenainya tetapi mestilah bertindak secepat-cepatnya," ujarnya.

Timbalan Perdana Menteri seterusnya menggariskan beberapa usaha yang harus dilakukan dalam strategi "menyerang" ini.

Katanya, faktor asas, kita mestilah berusaha meningkatkan keupayaan kita untuk bersaing dari segi mutu barang keluaran serta harganya.

"Bagaimana kita hendak mendakwa yang kita menitikberatkan soal harga yang dapat bersaing apabila begitu banyak sekali sumber-sumber yang kita bazirkan.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia